

21/06/1999

Shahnon sudah letak jawatan pensyarah USM

PENULIS buku SHIT, Profesor Datuk Shahnon Ahmad, sudah meletak jawatan sebagai pensyarah kontrak di Universiti Sains Malaysia (USM), kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Naib Presiden Umno itu, universiti berkenaan menerima surat peletakan jawatan itu pada Mei lalu dan kementeriannya juga menerima peletakan jawatan Shahnon.

"Saya tiada halangan selepas beliau menghantar surat peletakan jawatan itu," katanya ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Shahnon adalah pensyarah kontrak di USM dan kontraknya diperbaharui setiap tahun.

Novel SHIT mencetuskan kemarahan rakyat dan Umno kerana menggunakan bahasa lucu dan mencarut terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Umno.

Ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno Jumaat lalu, Dr Mahathir yang juga Presiden parti meluahkan rasa kesal dan tersinggung dengan tulisan Shahnon itu yang memaki hamun beliau dan ibunya.

Beberapa perwakilan yang membahaskan usul di perhimpunan tiga hari itu juga turut mengutuk Shahnon kerana sanggup mencarut dan menggunakan bahasa lucu terhadap pemimpin negara.

Malah, ada perwakilan yang menuntut supaya Sasterawan Negara itu meminta maaf kepada Dr Mahathir dan ibunya.

(END)